

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 APRIL 2024

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

Peniaga raih RM14,000 sebulan

Peniaga raih RM14,000 sebulan

Tiada isu pendapatan tidak menentu selepas sertai IPR

KUALA SELANGOR

Seorang peniaga nasi kukus tidak menyangka keputusan menyertai program perniagaan mesin layan diri di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) mampu merubah graf pendapatan bulannya apabila meraih jualan melebihi RM14,000 sebulan.

Lebih mengembirakan kata Mohd Hermi Shahuddin, 47, dia kini tidak lagi dibelenggu masalah pendapatan tidak menentu seperti dialami sebelum menyertai program IPR kategori Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) itu, yang diperkenalkan Kerajaan MADANI melalui Kementerian Ekonomi pada Mac tahun lepas.

Bapa kepada empat anak perempuan itu berkata, sebelum menyertai program tersebut dia hanya berniaga secara kecil-kecilan dengan membuka gerai di tepi jalan di kawasan Fasa 3 Bandar Puncak Alam di sini, selain mengambil tempahan makanan untuk majlis kerai di kawasan sekitar.



Para pelajar UITM beratur untuk membeli makanan melalui mesin layan diri IPR yang diletakkan di Kolej Angsana 2 UITM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

Menurutnya, dengan pelbagai cabaran dihadapi seperti faktor cuaca, makanan tidak habis dijual selain perlu 'menutup kedai' untuk membawa seorang anaknya yang merupakan orang kurang upaya (OKU) bertemu doktor, kerja keras yang dilakukan hanya mampu meraih jualan tidak sampai RM8,000 sebulan.

"Perniagaan kami buat sebelum ini memang banyak cabaran dengan pen-

dapatan boleh terjejas bila-bila masa sahaja kerana ada ketikanya makanan langsung tidak boleh dijual terutama ketika hujan lebat menyebabkan modal dan makanan pada hari tersebut kadangkala 'hangus' begitu sahaja.

"Saya juga mempunyai seorang anak OKU berusia sembilan tahun yang masih memerlukan perhatian dan jagaan penuh. Jika ada janji temu dengan doktor, memang saya dan isteri tidak boleh berniaga, jadi tidak adalah pendapatan untuk kami pada hari itu," katanya ketika meninjau mesin layan diri kendaliannya di Universiti Teknologi Mara (UITM) cawangan Selangor kampus Puncak Alam, baru-baru ini.

Tidak perlu keluar modal

Mohd Hermi dan isterinya, Fadilah Hanum Abu, 47, yang kini mengusahakan perniagaan mesin layan diri di Kolej Angsana 2, UITM Puncak Alam menyifatkan penyertaan mereka dalam program IPR sebagai tidak sia-sia, malah mereka juga tidak perlu mengeluarkan modal untuk penyediaan makanan dan bayaran sewewa kerana kos itu ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan bagi tempoh dua tahun.

Dia berkata, antara makanan yang dijual menerusi mesin layan diri itu adalah nasi lemak ayam goreng, nasi lemak pandan, roti kebab daging, roti sosej gulung, set bebola daging, popcorn ayam dan nasi ayam pedas, yang kesemuanya dimasak sendiri oleh mereka berdua.

"Semua makanan ini dijual pada harga RM2 ke RM5, dan bagi mengekalkan kualiti dan rasa, menu tersebut akan ditukar atau ditambah setiap enam jam dalam tempoh satu hari.

"Ini bermakna program IPR bukan sahaja memberi manfaat kepada usahawan malah memberi pilihan kepada orang ramai untuk membeli makanan siap masak pada harga berpatutan dan murah," katanya sambil berterima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan inisiatif yang menguntungkan rakyat," katanya.

Mohd Hermi berkata, dia kini boleh memperuntukkan lebih masa bersama keluarga kerana perniagaan mesin layan diri itu boleh dipantau dari jauh menerusi aplikasi khas yang membolehkannya me-

ngetahui status stok makanan atau berlaku sebarang masalah teknikal terhadap mesin tersebut.

"Saya berasa cukup bertuah kerana dipilih menyertai program IPR daripada ribuan permohonan yang diterima Kementerian, dan pastinya program ini membuka prospek baharu kepada usahawan kecil seperti saya menjana pendapatan sekali gus meningkatkan nilai jualan sedia ada," katanya.

Sementara itu, Rektor UITM Cawangan Selangor Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman berkata, UITM Cawangan Selangor (UCS) merupakan kampus IPTA pertama yang melancarkan mesin layan diri menerusi program IPR INSAN yang menjual makanan pada harga RM2 hingga RM5.

Menurutnya, ketika ini sebanyak sembilan mesin layan diri IPR sedang beroperasi di Kampus Puncak Alam dan satu lagi dalam proses untuk memulakan operasi, selain merancang meluaskan lagi inisiatif tersebut ke fakulti dan kolej pengajian lain bagi memberi ruang kepada peserta IPR terpilih menjana pendapatan.

Ahmad Taufek berkata, Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Bahagian Ehsan Pelajar UITM turut memberi kursus keusahawanan kepada kesemua 43 peserta IPR di UITM seluruh negara dengan UCS merupakan peneraju kepada projek tersebut.

"Kursus ini merangkumi pertama modul wajib dengan semua peserta perlu menyertai kursus literasi kewangan dan modul kedua peserta diberi empat pilihan sama ada mengambil bahagian dalam kursus bantuan makanan, kursus pertanian, kursus perikanan atau kursus transformasi minda," katanya.

Pada Mac tahun lepas, Menteri Ekonomi, Mohd Rafizi Ramli melancarkan program mesin layan diri IPR dan kerajaan menasarkannya mesin berkenaan dapat diperluas kepada 5,000 penerima di bawah IPR INSAN pada tahun ini.

Menerusi inisiatif INSAN, penerima akan diberikan mesin layan diri di tempat terpilih serta kos sewaan bulanan yang dianggarkan antara RM600 hingga RM800 ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan selama dua tahun. - Bernama



Antara makanan yang dijual menerusi mesin layan diri itu adalah nasi lemak ayam goreng, nasi lemak pandan, roti kebab daging, set sosej gulung, set bebola daging, popcorn ayam dan nasi ayam pedas.



Mohd Hermi bersama mesin IPR yang diletakkan di Kolej Angsana 2 UITM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.